## SURAH BARANG-BARANG YANG BERGUNA

## سُورَةُ المَاعُونِ

Surah: 107 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 7

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.*

أَرَءَيۡتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ١

1. Tahukah engkau orang yang mendustakan agama?

فَذَٰلِكَ ٱلَّذِى يَدُعُّ ٱلۡيَتِيمَ ٢

2. Itulah orang yang mengherdik anak yatim.

وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلۡمِسۡكِينِ ٣

3. Dan tidak menggalakkan memberi makan kepada orang miskin.

فَوَيۡلٞ لِّلۡمُصَلِّينَ ٤

4. Maka celakalah bagi orang yang solat.

ٱلَّذِينَ هُمۡ عَن صَلَاتِهِمۡ سَاهُونَ ٥

5. (Iaitu) orang yang lalai terhadap solatnya.

ٱلَّذِينَ هُمۡ يُرَآءُونَ ٦

6. Orang yang riak.[1]

وَيَمۡنَعُونَ ٱلۡمَاعُونَ ٧

7. Dan orang yang enggan menghulurkan bantuan.[2]

---

1 Riak ialah melakukan sesuatu amalan bukan untuk mencari keredaan Allah Subhanahu wa Ta’ala, akan tetapi untuk mendapat pujian atau kemasyhuran di mata masyarakat.

2 Sebahagian mufassir menghuraikan dengan “enggan membayar zakat”.